



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“WASPADA FAHAMAN MENAFIKAN TUHAN”

16 Februari 2024 / 6 Syaaban 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا بِنِعْمَةِ الْإِيمَانِ وَالْإِسْلَامِ. وَجَعَلَنَا مِنْ أَتْبَاعِ خَيْرِ الْأَنَامِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan

Bertakwalah kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya serta mengikhlaskan setiap amal. Semoga dipermudahkan perhitungan kita di Padang Mahsyar, diberatkan timbangan amal kebaikan serta dilimpahi rahmat Ilahi menjadi penghuni syurga. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “WASPADA FAHAMAN MENAFIKAN TUHAN”

Firman Allah SWT surah al-Furqan ayat 21:

﴿ وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَرْجُونَ لِقَاءَنَا لَوْلَا أُنزِلَ عَلَيْنَا الْمَلَائِكَةُ أَوْ نَرَى رَبَّنَا لَقَدِ اسْتَكْبَرُوا فِي أَنْفُسِهِمْ وَعَتَوْا عُتُوًّا كَبِيرًا ﴿٢١﴾ ﴾

Bermaksud: Dan orang yang tidak mengharapkan pertemuan dengan Kami (di akhirat) berkata, “mengapakah bukan para Malaikat yang diturunkan kepada kita dan mengapakah kita tidak boleh melihat Tuhan kita?” Sesungguhnya mereka telah menyombongkan diri mereka dan benar-benar telah melampaui batas.

Fahaman menolak konsep ketuhanan atau menafikan kewujudan tuhan dikenali sebagai *ateisme*. Dalam bahasa Arab, disebut *ilhad*. Al-Quran menggelar mereka sebagai golongan *dahriyyun*, iaitu golongan yang mempercayai bahawa kehidupan terhenti di dunia sahaja, dan mereka tidak menyandarkan sebarang kejadian hidup dan mati kepada Tuhan.

¹ Pujian kepada Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Fahaman ini bercanggah dengan Islam; fahaman ini berpaksikan kepada aliran memperjuangkan hak asasi manusia yang bertunjangan pemikiran bebas serta menolak keperluan agama dalam kehidupan. Mereka berpegang pada fahaman, manusia bebas menentukan hala tuju kehidupan dan meyakini sepenuhnya keupayaan yang ada pada manusia. Akal diberi kebebasan sepenuhnya untuk memahami semua perkara. Akal dianggap berupaya menyelesaikan pelbagai perkara berkaitan kehidupan tanpa perlu merujuk kepada pandangan agama dan ketuhanan.

Antara keraguan yang ditimbulkan oleh fahaman ini yang bercanggah dengan prinsip Islam ialah:

Pertama: Kewujudan Tuhan tidak dapat dibuktikan melalui pancaindera atau secara pembuktian sains.

Kedua: Setiap penganut mendakwa agama merekalah yang benar dan Tuhan merekalah yang layak disembah. Persoalannya, mengapakah setiap agama mempunyai Tuhan masing-masing dan Tuhan agama manakah yang sebenar-benar Tuhan?

Ketiga: Manusia pada asalnya tidak beragama, oleh itu tidak perlukan agama dalam kehidupan.

Keempat: Agama bersifat mengongkong dan menghalang kebebasan manusia.

Antara perkara yang mendorong kepada berkembangnya fahaman tidak bertuhan ini, ialah kurangnya penekanan pendidikan agama dan penghayatan agama dalam kehidupan berkeluarga. Anak-anak yang tidak didedahkan dengan asas fardu ain dan asuhan berpandukan syarak, akan mudah terjebak dengan pelbagai aliran pemikiran yang sesat serta menyeleweng.

Dikenal pasti pelbagai saluran media sosial, kini menjadi medan untuk menyebarkan aliran pemikiran yang menafikan kewujudan Tuhan, dan kumpulan berfahaman sedemikian pada masa ini turut berusaha untuk mendapatkan pengikut daripada kalangan anak muda Melayu beragama Islam. Beberapa laman *facebook* seperti *Warung Atheis*, *Malaysian Atheis Confession*, *Atheis Republic* dan lain-lain digunakan sebagai ruang bertemu bersama komuniti mereka untuk berbincang mengenai fahaman songsang ini.



Selain itu, faktor nasib kurang baik yang dilalui seseorang seperti pengalaman sedih dan menakutkan pada masa lampau, kurang mendapat belaian kasih sayang, mengalami pelbagai jenis penderaan, terlalu dikongkong oleh ibu bapa, turut menjadi punca untuk mereka cuba mencari kebebasan mutlak sehingga akhirnya terjebak menganut fahaman ini.

Jemaah yang dilimpahi rahmat Ilahi

Islam tidak mengiktiraf fahaman menafikan kewujudan Tuhan; fahaman sedemikian bercanggah dengan prinsip syarak, dan disifatkan fahaman yang menyeleweng. Maha Agung Allah SWT, menciptakan kejadian manusia dengan fitrah yang suci – fitrah semula jadi, bahawa setiap manusia pada hakikatnya memiliki naluri memerlukan Tuhan sebagai tempat bergantung dan tempat bernaung. Manusia sebenarnya diciptakan bersifat lemah dan amat bergantung kepada Tuhan dalam semua perkara terutama bila menghadapi keadaan antara hidup dan mati, selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-An’am ayat 63:

قُلْ مَنْ يُنَجِّيكُمْ مِنْ ظُلُمَاتِ الْبَرِّ وَالْبَحْرِ تَدْعُونَهُ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً لَئِنْ أَجَبْنَا مِنْ هَذِهِ لَنَكُونَنَّ مِنَ الشَّاكِرِينَ

Bermaksud: Katakanlah, “Siapakah yang dapat menyelamatkan kamu daripada bencana-bencana di darat dan di laut? (Ketika) kamu berdoa merayu kepada Nya dengan merendah diri (secara terbuka) dan secara sembunyi (dengan berkata), “Sesungguhnya jika Dia menyelamatkan kami daripada bencana-bencana ini, tentulah kami menjadi orang yang bersyukur.

Sedarilah! Sehebat-hebat Firaun, ketika akhir hayatnya, sewaktu ditenggelamkan dalam lautan merah, Firaun mengakui keesaan Allah SWT sebagai Tuhan yang layak disembah, namun syahadahnya tidak lagi boleh diterima. Naluri mengiktiraf kewujudan Tuhan, telah pun Allah SWT jelaskan menerusi ayat 61 surah al-Ankabut yang bermaksud:

“Dan jika kamu (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik)
“Siapakah yang menciptakan langit dan bumi dan menundukkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk Nya)?” Pasti mereka menjawab, “Allah”. Maka mengapakah mereka boleh dipalingkan (oleh hawa nafsu daripada mengakui keesaan Allah dan mematuhi perintah Nya)?



Akal yang dikurniakan oleh Illahi, sekalipun memiliki keupayaan berfikir jauh, namun terhad dan tidak mampu menyelesaikan keseluruhan persoalan hidup, terutama berkaitan tatacara hidup yang sebenar serta keperluan rohani dan jasmani. Akal wajib dipandu dan dibimbing dengan sumber wahyu al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW agar manusia kekal berada atas landasan yang diredai Illahi. Menurut sejarah, pelopor fahaman Ahli Sunnah Waljamaah, iaitu Imam Abu Hasan al-Asy'ari dan Imam Abu Mansur al-Maturidi telah membanteras golongan yang melebihkan akal berbanding wahyu, iaitu golongan yang mendewa-dewakan teori sains sehingga menjadikannya panduan dalam kehidupan dan mengetepikan wahyu.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar mengutarakan beberapa rumusan untuk renungan bersama:

Pertama: Ummah wajib berpegang kepada akidah Ahli Sunnah Waljamaah aliran Asyairah Maturidiah dan mengukuhkan pegangan dengan mempelajari ilmu agama daripada agamawan berkelayakan.

Kedua: Ibu bapa dan penjaga bertanggungjawab memberikan didikan asas agama kepada anak-anak, dilengkapi ilmu akademik dan kemahiran hidup sebagai bekalan. Pantau kegiatan anak-anak, mengambil tahu dengan siapa mereka bergaul agar mereka tidak terjebak mengikuti aliran-aliran yang menyeleweng.

Ketiga: Pihak berkuasa agama dan institusi pendidikan perlu mempergiatkan usaha mendidik, mengembangkan dakwah dan melaksanakan pemulihan akidah yang sesuai, di samping menjalankan usaha pencegahan terhadap kegiatan yang menyebarkan fahaman dan aliran yang bertentangan dengan syarak.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, kami memohon perlindungan Mu agar kami serta seluruh ahli keluarga kami dijauhi daripada aliran dan fahaman yang menyesatkan. Kukuhkan tautan pegangan akidah Ahli Sunnah Waljamaah dalam kalangan umat Islam di Malaysia, agar kami saling hidup harmoni aman dan damai.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ﴾.